



ASET TAK KETARA DALAM INDUSTRI PENYIARAN



Puan Rohanis Binti Omar
Kementerian Komunikasi & Multimedia
Malaysia (KKMM)

4 Oktober 2021



ISI KANDUNGAN ▶▶

1 | Kenali RTM

2 | Kajian & Analisis ATK RTM

- Pengenalan MPSAS 31
- Perolehan Berasingan
- Dijana Secara Dalaman

3 | Isu-Isu & Cabaran

ACTION!!



Kenali...



**RADIO TELEVISYEN
MALAYSIA
(JABATAN PENYIARAN
MALAYSIA)**





MENYINGKAP SEJARAH RTM.. ▶▶



RTM @ Radio Televisyen Malaysia merupakan stesen penyiaran kerajaan Malaysia yang memiliki dan mengendalikan 33 saluran radio seluruh Malaysia dan 6 saluran televisyen.

RTM ditubuhkan 75 tahun yang lalu iaitu pada **1 April 1946** di mana siaran radio telah diperkenalkan. Siaran televisyen pula mula diperkenalkan pada **28 Disember 1963.** ”

Sambutan 75 Tahun ke-





SALURAN TV RTM TERKINI.. ▶▶



RTM1 @ TV1
dilancarkan pada **28
Disember 1963** fokus
kepada program berita,
dokumentari dan
kebudayaan dalam
bahasa Melayu &
Inggeris.



RTM2 @ TV2
dilancarkan pada **17
November 1969** fokus
kepada program
hiburan, kebudayaan
dan kanak-kanak dalam
bahasa Melayu,
Inggeris, Tamil, Hindi,
Kantonis & Mandarin.





SALURAN TV RTM TERKINI.. ▶▶



TV Okey dilancarkan pada **21 Mac 2018** khas untuk penduduk Sabah, Sarawak dan golongan muda. Program TV adalah dalam bahasa Melayu, Inggeris, Iban, Kadazan, Dusun dan Bajau.



Berita RTM dilancarkan pada **25 Jun 2020** menerusi MyFreeview saluran 123 dan fokus kepada program berita dan hal ehwal semasa dalam bahasa Melayu, Inggeris, Tamil, Hindi, Kantonis & Mandarin.



SALURAN TV RTM TERKINI.. ▶▶




Sukan RTM (RTM Sports) yang dilancarkan pada **1 April 2021** merupakan saluran sukan pertama berdefinisi tinggi RTM. Malaysia juga mampu berdaya saing dalam produk sukan seperti BBC Sports.



TV6 merupakan saluran ke-6 RTM dan memulakan siaran percubaannya pada **1 Mac 2021**. Saluran TV6 fokus kepada siaran rancangan klasik seperti filem, drama retro dan hiburan tahun 1960-an, 1970-an, 1980-an, 1990-an dan awal 2000-an.

Kajian & Analisis ATK






Pengenalan MPSAS 31 ▶▶

Piawaian Perakaunan ATK

Perakaunan ATK merujuk kepada *Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) 31: Aset Tidak Ketara* yang dikeluarkan oleh JANM.

Takrifan ATK

Aset bukan kewangan yang boleh dikenalpasti tanpa kewujudan fizikal. Contoh ATK dalam sektor awam adalah perisian komputer, paten, hak cipta dan kuota import.






PENGENALAN MPSAS 31 ▶▶

Perolehan ATK



Perolehan Berasingan

- ATK yang diperolehi daripada pembekal.
- Kos ATK merangkumi harga belian dan kos yang terlibat secara langsung dalam menyediakan ATK kepada keadaan bolehguna.



Dijana Secara Dalaman

- ATK yang diterbitkan secara dalaman melalui fasa penyelidikan dan pembangunan.
- Kos ATK merangkumi kos pembangunan seperti kos material, manfaat pekerja dan lain-lain kos langsung.






KAJIAN & ANALISIS ATK RTM >>

ACTION!!




Kajian awal:

- ✓ Komponen kontrak perolehan?
- ✓ Aset tidak dikenalpasti secara fizikal?



Aset boleh dikenalpasti:

- ✓ Boleh diasing daripada entiti?
- ✓ Wujud melalui aturan perundangan?




Tentukan jenis perolehan:

- ✓ Perolehan berasingan?
- ✓ Dijana secara dalaman?




CUTT!!



Pengukuran:

- ✓ Kenal pasti komponen kos langsung (*directly attributable cost*).
- ✓ Pengelasan dan penentuan usia guna pelunasan.



Pengiktirafan Produksi Dalaman:

- ✓ Kos penyelidikan?
- ✓ Kos pembangunan?
 - **P** – Probable...
 - **I** – Intention...
 - **R** – Resources...
 - **A** – Ability...
 - **T** – Technical...
 - **E** – Expenditure...

Pengiktirafan Perolehan Berasingan:

- ✓ Jana manfaat ekonomi/ potensi perkhidmatan masa hadapan?
- ✓ Kos/ Nilai Saksama boleh ditentukan dengan pasti?



KAJIAN & ANALISIS ATK RTM ▶▶

Polisi Pelunasan ATK

Polisi pelunasan ATK merujuk kepada **Manual Operasi Perakaunan Akruan (MOPA)** yang dikeluarkan oleh JANM.


Perolehan Berasingan

- **JADUAL 1:** Hak penuh/ terhad (2 kali ditayangkan atau lebih)

Program TV	%
Apabila ditayangkan kali pertama	60
Apabila ditayangkan kali ke-2	40
Siri	%
Apabila ditayangkan kali pertama (episod)	100

- **JADUAL 2:** Hak terhad (ditayangkan sekali)

Program TV	%
Apabila ditayangkan kali pertama	100



Dijana Secara Dalaman

- **JADUAL 3:** Program TV yang dihasilkan

Program TV	%
Apabila ditayangkan	100

- **JADUAL 4:** Filem yang dihasilkan

Filem	%
Apabila filem ditayangkan	70
Tahun kedua selepas filem ditayangkan	20
Tahun ketiga selepas filem ditayangkan	10




KAJIAN & ANALISIS ATK RTM ▶▶

5 Sumber Bekalan Program TV RTM

Perolehan Berasingan

- 1 Perolehan Program TV Daripada Produksi Luar
- 2 Perolehan Hak Tayangan Daripada Produksi Luar (*Syndicated*)
- 3 Perolehan Hak Tayangan Eksklusif Bertaja Daripada Produksi Luar
- 4 Pemberian Program TV Daripada Penaja



Dijana Secara Dalaman

- 5 Produksi Dalaman RTM




▶▶ KAJIAN & ANALISIS ATK RTM

“Perolehan Berasingan”





KAJIAN & ANALISIS RTK RTM ▶▶



1 | Perolehan Program TV Daripada Produksi Luar

- Perolehan melalui Saringan Program Swasta (Pitching). RTM berhak menayangkan filem berulang kali tanpa had kerana ia hakmilik RTM sepenuhnya.

2 | Perolehan Hak Tayangan Daripada Produksi Luar (Syndicated)

- Perolehan melalui Penilaian Program *Syndicated* (Screening). RTM berhak untuk menayangkan program mengikut tempoh masa dan bilangan tayangan yang dipersetujui dalam kontrak.


3 | Perolehan Hak Tayangan Eksklusif Bertaja Daripada Produksi Luar

- Perolehan adalah secara bidaan. Contoh: *FIFA World Cup*, *Olympic 2020*. RTM berhak untuk menayangkan program mengikut tempoh masa dengan hak tayangan terhad.





KAJIAN & ANALISIS RTK RTM ▶▶



Kesimpulan Kajian:



Boleh dikenalpasti tanpa kewujudan fizikal melalui aturan berkontrak



Terdapat kawalan ke atas aset



Terdapat manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan masa hadapan



Kos/ Nilai saksama boleh diukur dengan pasti

▪ Maka, ia diiktiraf sebagai **Aset Tidak Ketara**.

▪ Program TV/ Hak Tayangan mempunyai **usiaguna (finite)** mengikut tempoh kontrak dan bilangan tayangan. Jadual Pelunasan adalah seperti di **JADUAL 1 - 4**, Manual Operasi Perakaunan Akruan ATK.





KAJIAN & ANALISIS RTK RTM ▶▶



4 | Pemberian Program TV Daripada Penaja

- Pemberian hak tayangan kepada RTM untuk ditayangkan. Contoh: Program Rahsia KAK TON. RTM **tidak berhak** ke atas program TV tersebut.

Kesimpulan Kajian:

- Boleh dikenalpasti tanpa kewujudan fizikal melalui aturan berkontrak
- Terdapat kawalan ke atas aset
- Terdapat manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan masa hadapan
- Kos/ Nilai saksama boleh diukur dengan pasti

- Maka, ia tidak diiktiraf sebagai **Aset Tidak Ketara**.




▶▶ KAJIAN & ANALISIS RTK RTM

“ATK Dijana Secara Dalaman”






KAJIAN & ANALISIS RTK RTM ▶▶




5 | Produksi dalaman RTM

- 40% daripada jumlah Program TV RTM turut dihasilkan sendiri oleh unit produksi dalaman RTM untuk ditayangkan mengikut tarikh/ tempoh yang ditetapkan.
- Program TV yang dihasilkan:



Majalah & Dokumentari - Program berseghmen seperti PANORAMA dan TUMIT TINGGI, program dokumentari seperti SIMFONI ALAM dan rancangan kanak-kanak seperti CHIKI BOOM




Drama Pendek - Drama pendek berdurasi 30 minit dan Telemovie bertema yang dikenali sebagai PANGGUNG RTM





KAJIAN & ANALISIS RTK RTM ▶▶



5 | Produksi dalaman RTM

- Program TV yang dihasilkan (samb...):



Hiburan - Program hiburan/ konsert secara *live* atau rekod seperti sambutan tahun baru, kemerdekaan, sambutan hari perayaan serta *Game-show* seperti Aktif 5 & Klip Video Covid-19



Sukan - Program sukan seperti PLANET SUKAN & AKSI serta liputan sukan bola sepak




Berita - Program berita seperti Berita Perdana, Berita Tengahari & program hal ehwal semasa seperti Selamat Pagi Malaysia dan Citra Desa





KAJIAN & ANALISIS RTK RTM ▶▶



- Kos pembangunan perlu mematuhi 6 syarat yang ketat (P.55, MPSAS 31)



Probable future economic benefits



Intention to complete



Resources adequate



Ability to use or sell



Technical feasibility



Expenditures can be measured



- Manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan masa hadapan untuk jangka masa pendek kerana program ditayangkan terus selepas disiapkan.
- Kos manfaat pekerja (penerbit & krew TV RTM) yang terlibat sukar ditentukan dengan pasti bagi setiap program yang dihasilkan kerana penerbit dan krew TV juga terlibat dengan penerbitan program TV lain.
- Maka, kos yang terlibat **tidak diiktiraf sebagai ATK dan dibelanjakan terus** dalam tempoh ia ditanggung.

▶▶ 03 Isu-Isu & Cabaran Aset Tak Ketara RTM





Isu-Isu & Cabaran ATK RTM ▶▶

Memahami *nature* program TV

- Perlu memahami *nature* program TV bagi menentukan sama ada ianya boleh diiktiraf sebagai ATK atau dibelanjakan terus.

Pengumpulan data program TV

- Data perolehan berasingan bagi bekalan filem RTM bagi tahun 2017 - 2020 telah dikumpul dan diverifikasi oleh Unit Audit Dalam (UAD) KKMM dan masih dalam tindakan untuk dimuat naik.



Mitigasi & Tindakan:

- Mengadakan perbincangan dengan RTM bagi memahami *nature* program TV dengan lebih terperinci agar jenis aset dan pengolahan perakaunan dapat ditentukan dengan tepat.

Mitigasi & Tindakan:

- Data ATK bekalan filem akan dimuat naik setelah Garis Panduan ATK dimuktamadkan.



Isu-Isu & Cabaran ATK RTM ▶▶

Pelaksanaan Pelunasan

- Rekod bilangan tayangan diperolehi secara manual.
- Perakaunan belanja pelunasan perlu dibuat secara jurnal pelarasan.



Mitigasi & Tindakan:

- Menyediakan tatacara perakaunan belanja pelunasan ATK bekalan filem berpandukan Garis Panduan ATK JANM untuk rujukan RTM.

Kompetensi & Kekuatan Pegawai

- Perakaunan pelunasan secara manual akan menambah beban kerja pegawai sedia ada.
- Pegawai kurang kompetensi dalam menguruskan ATK.



Mitigasi & Tindakan:


- Mengadakan kursus / latihan bagi memastikan RTM dapat mengakaunkan ATK dan belanja pelunasan dengan tepat & betul.




“ RTM Mobile @ MyKlik telah dilancarkan oleh RTM pada tahun 2009. Kini saluran RTM dapat ditonton di mana-mana sahaja melalui tablet dan telefon pintar anda. ”

**JOM MUAT TURUN
SEKARANG!!**

Nikmati Saluran TV Terbaharu Dari RTM....



SEKIAN, TERIMA KASIH.



CUTT!!